

Pencemaran udara di Pasir Gudang

8 pelajar, guru sesak nafas terhidu bau busuk

Semua mangsa dirawat sebagai pesakit luar

Oleh Mohamed Farid Noh dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Sembilan kes baru gejala sesak nafas membabitkan lapan pelajar dan seorang guru di Pasir Gudang, Johor dilaporkan sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

Menyatakan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kes membabitkan tiga pesakit lelaki dan enam perempuan itu bagaimanapun hanya dirawat sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Pasir Gudang.

"Mereka dikatakan terhidu bau busuk dan bau bahan terbakar pada waktu pagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Neuropsychiatry Masterclass 2019 di sini, semalam.

Katanya, pelajar berkenaan adalah tiga dari Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, SK Kopok (2), SK Taman Rinting 3 (2) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang 2 (1), manakala guru itu dari SK Taman Rinting 3.

Dr Dzulkefly berkata, ada 2,500 kilang di Pasir Gudang dengan



Dr Dzulkefly merasmikan program Neuropsychiatry Masterclass 2019, di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

250 adalah kilang kimia, yang mungkin menjadi punca gejala sesak nafas itu.

Sementara itu, beliau berkata, negara kini mempunyai 3,300 pakar psikiatri dalam sektor awam, namun hanya empat pakar bagi bidang neuropsikiatri, sedangkan bilangan pesakit semakin meningkat.

Di Johor Bahru, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz ketika dihubungi BH semalam, berkata lapan pelajar dan seorang guru itu menunjukkan gejala gangguan kesihatan berbeza dan berlainan antara mereka.

"Kami memantau terperinci

kelainan kesihatan setiap mangsa bagi mengenal pasti punca sebenar gangguan kesihatan dihadapi. Ada mangsa menyatakan mereka terhidu sesuatu sehingga kesihatan terganggu, ada yang mendakwa mereka tidak terbau apa-apa.

"Ini menyebabkan pasukan kesihatan tidak dapat mengaitkannya terhadap satu punca khusus, sebaliknya melihat secara menyeluruh semua faktor yang menyebabkan gangguan kesihatan dalam sembilan kes semalam (kelmarin)," katanya.

Ditanya sama ada Jabatan Kesihatan Johor turut melihat aspek kesan psikologi pencemaran

berulang terhadap mangsa, Dr Selahuddeen berkata, semua aspek dilihat bagi merawat kelainan kesihatan setiap mangsa.

"Memang berlaku keresahan jika tinggal di kawasan yang dilapor berlaku pencemaran, namun untuk mengatakan mangsa mengalami kesan psikologi daripada persekitaran sehingga dilanda gangguan kesihatan, ia memerlukan pemeriksaan holistik untuk dibuktikan."

"Jabatan Kesihatan melihat semua aspek kesihatan secara holistik bagi merawat, bukan sahaja mangsa baharu semalam (kelmarin), malah semua pesakit yang dirujuk kepada kami," katanya.